



قجابه قربندهاران نكري كلتن
PEJABAT PERBENDAHARAAN
NEGERI KELANTAN
Blok 4, Kota Darulnaim,
15503 Kota Bharu, Kelantan.

Pentadbiran Am : 09-7481957
Pegawai Kewangan Negeri : 09-7485343
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri : 09-7436429
Bendahari Negeri : 09-7483484
Fax No : 09-7487113
E-mail : treasury@kelantan.gov.my
Web site : www.pkn.kelantan.gov.my

Ruj. Kami: PKN.A 1/18-9 (57)
Tarikh : 19 Jamadil Akhir 1445H
1 Januari 2024

Ke majlis;

Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Badan-Badan Berkanun Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Yang Berhormat Dato'/Yang Mulia Dato'/Yang Berbahagia Dato'/Yang Mulia Tengku/Tuan/Puan,

**PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN SEDIA ADA BAGI KAEDAH PEMBELIAN TIKET
PENERBANGAN DAN PENGINAPAN SERTA KADAR KELAYAKAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Kerajaan Negeri Kelantan telah menerima pakai pelaksanaan Pekeliling Perbendaharaan WP 1.4 Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi (Tidak Termasuk Tentera Dan Polis) (Kuat Kuasa 1 Januari 2022) dan WP 1.11 Penurunan Kuasa Kepada Pegawai Pengawal Untuk Meluluskan Penyediaan Kemudahan Secara Pakej Bagi Penganjuran Program Rasmi Jabatan Atau Semasa Pegawai Bertugas Rasmi Dalam Negara sepenuhnya.
3. Penggunaan kemudahan Pesanan Tempatan dan Waran Perjalanan Udara adalah tidak digalakkan kecuali dinyatakan di perenggan 2.1 Pekeliling Perbendaharaan WP 1.11 serta Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil 1 Tahun 2019. Ini adalah selari dengan pelaksanaan dasar penjimatan di mana Kerajaan Negeri telah bersetuju memberikan imbuhan balik bayaran sebanyak 5% kepada pegawai yang membeli tiket penerbangan dan penginapan secara *on line* dengan menggunakan kad kredit/kad debit.
4. Di atas kerjasama Yang Berhormat Dato'/Yang Mulia Dato'/Yang Berbahagia Dato'/Yang Mulia Tengku/Tuan/Puan akan perkara tersebut di atas amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"ISLAM MEMIMPIN, RAJA MENAUNGI, NEGERI BERKAT"

Saya yang menjalankan amanah,

DATO' DR. TENGGU MOHAMED FAZHARUDEAN BIN TENGGU FEISSAL, D.J.M.K. (Kelantan)
(TENGGU KAYA PERKASA)
Pegawai Kewangan Negeri
Kelantan.

s.k : Yang Berhormat Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan